0703

U 8407 AAB

NEGARA - PENSWASTAAN

KUALA LUMPUR, 30 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI HARI INI BERKATA KEPENTINGAN BUMIPUTERA TETAP TERPELIHARA SEPERTI TERKANDUNG DALAM DASAR EKONOMI BARU (DEB) SEKALIPUN KERAJAAN MELAKSANAKAN DASAR PENSWASTAAN.

MALAHAN SALAH SATU OBJEKTIF DASAR PENSWASTAAN IALAH MENINGKATKAN PELUANG BAGI MENCAPAI MATLAMAT DEB, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN SENATOR HASSAN HARUN DI DEWAN NEGARA.

BELIAU BERKATA ANTARA GARIS PANDUAN YANG DIIKUTI SEMASA MENSWASTAKAN SESUATU PROJEK IALAH MEMASTIKAN 30 PERATUS DARIPADA MODAL BERBAYAR SYARIKAT YANG HENDAK MENGAMBIL ALIH PERKHIDMATAN ATAU SYARIKAT KERAJAAN HENDAKLAH DITAWARKAN KEPADA PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB).

+BAGI PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG TELAH DIPERSYARIKATKAN, 51 PERATUS DARIPADA SAHAM SYARIKAT ITU AKAN DITAWARKAN KEPADA PNB SEMASA DISWASTAKAN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA BUMIPUTERA, DALAM KEADAAN TERTENTU, DIFIKIRKAN BELUM MEMPUNYAI MODAL DAN KEPAKARAN UNTUK MENGAMBILALIH PERKHIDMATAN DAN SYARIKAT KERAJAAN, INSTITUSI BUMIPUTERA SEPERTI LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI, LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA DAN PNB AKAN DIJEMPUT UNTUK MENGAMBIL ALIH SAHAM-SAHAM YANG TELAH DIKHASKAN KEPADA BUMIPUTERA. -- LAGI.

1616MST 30 11 88

0713

U 8411 DEB

NEGARA - PENSWASTAAN 2 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARIPADA SENATOR YANG SAMA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN MENANGGUHKAN PROJEK YANG DIRANCANG UNTUK DISWASTAKAN SEMATA-MATA KERANA BUMIPUTERA MASIH BELUM MAMPU UNTUK MENGAMBIL ALIH.

+APA YANG BIASA KITA LAKUKAN ADALAH SEPERTI KEMASUKAN MODAL ASING KE NEGARA INI.

+KITA BENARKAN SAHAM-SAHAM ITU DIPEGANG OLEH BUKAN BUMIPUTERA ATAU ORANG ASING DENGAN SYARAT SUATU MASA KELAK SAHAM-SAHAM ITU AKAN DIJUAL KEPADA BUMIPUTERA YANG SUDAH MAMPU, BAGI MEMASTIKAN SAHAM PROJEK BERKENAAN DIAGIH-AGIHKAN JUGA KEPADA BUMIPUTERA,+ KATA BELIAU.

KATANYA, SETAKAT INI 19 PERKHIDMATAN/SYARIKAT KERAJAAN TELAH DISWASTAKAN YANG MELIBATKAN PERUSAHAAN, PEMBINAAN, PERTANIAN, PERHUBUNGAN DAN PERKHIDMATAN. INI TERMASUKLAH DEPOH BAIKPULIH KAPAL TERBANG, TERMINAL KONTENA PELABUHAN KELANG DAN JABATAN TELEKOM MALAYSIA.

KEPADA PERTANYAAN TAMBAHAN SENATOR HABIDAH JUSOH, PERDANA MENTERI BERKATA ANTARA PROJEK YANG AKAN DISWASTAKAN, MUNGKIN TAHUN DEPAN ATAU TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA, IALAH PELABUHAN KELANG, KERETAPI TANAH MELAYU, LEMBAGA LEKTRIK NEGARA DAN LAPANGAN-LAPANGAN TERBANG. -- BERNAMA.

1642MST 30 11 88